

**PM Beri Kata-Kata Semangat Kepada Sukarelawan KP1M Di Gaza - Azeez
Bernama
10 Disember, 2012**

GAZA (Palestin), 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak memberi kata-kata semangat kepada anggota sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia (KP1M) dan mengingatkan mereka supaya lebih berhati-hati dalam menjalankan tugas semasa berada di negara konflik itu.

Presiden KP1M dan kapten misi Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata kata-kata semangat itu dimaklumkan kepada beliau melalui perbualan telefon 10 minitnya dengan Perdana Menteri pada Ahad.

Selain bertanyakan khabar, Abdul Azeez berkata Najib yang yakin dengan kebolehan semua 58 anggota sukarelawan, turut mahu mereka menjalankan khidmat dengan terpuji.

"Datuk Seri juga mahu semua anggota kumpulan misi yang berada di Palestin untuk saling membantu satu sama lain dan memastikan bantuan turut sampai kepada semua rakyat Malaysia yang berada di sini," katanya semasa menyampaikan pesanan Najib yang menghubungi beliau bagi mengetahui perkembangan kumpulan misi.

Beliau memaklumkan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan keluarga turut mendoakan keselamatan anggota sukarelawan menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS).

Abdul Azeez berkata perbualan telefon dan pesanan SMS itu memberi semangat tinggi kepada semua anggota sukarelawan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=715189>